

LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN DALAM MENANGANI KEGANASAN TERHADAP WANITA DI TEMPAT AWAM

(*Security Measures To Address Violence Against Women In Public*)

Suhaila Binti Sharil, A'dawiyah Bt. Ismail

ABSTRAK

Keganasan terhadap pekerja wanita masih lagi berlaku di Malaysia contohnya di ibu kota Kuala Lumpur. Walaupun pelbagai akta telah digubal seperti Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521), Akta perlindungan Wanita dan Gadis 1973, Artikel 4 Kod Amalan 1999 gangguan seksual, Konvensyen Terhadap Penghapusan Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) dan Akta Pekerja 1955 namun keganasan terhadap pekerja wanita masih lagi berlaku sehingga kini. Menyedari hakikat ini, pengkaji bertanggungjawab untuk menganalisis nilai min tertinggi bagi langkah keselamatan menangani keganasan terhadap pekerja wanita di tempat awam khususnya di Jabatan Akauntan Negara. Kajian kuantitatif secara lapangan ini menggunakan kaedah tinjauan (*survey research*) melalui instrumen soal selidik dan diedar secara *purposive sampel* kepada 62 pekerja wanita yang mengikuti kursus di Bahagian Pengurusan Amanah dan Sekuriti Jabatan Akauntan Negara. Data dianalisis secara diskriptif menggunakan *Statiscal Package For The Social Sciences* (SPSS) versi ke-20. Hasil kajian mendapat belum ada kajian menjurus mengenai isu keganasan terhadap pekerja wanita di BPAS JAN. Nilai min tertinggi diperolehi sebanyak 4.6 bagi langkah-langkah keselamatan berikut iaitu wanita perlu berhati-hati membawa beg tangan, tidak melalui lorong gelap seorang diri, tidak berpakaian menjolok mata serta mengelak dari memberi ruang berkomunikasi dengan lelaki tanpa tujuan.

Kata kunci: Langkah, Keselamatan, Keganasan, Wanita, Tempat Awam

ABSTRACT

Violence against women workers still occurs in Malaysia for example in the capital of Kuala Lumpur. Although various acts have been enacted as the Domestic Violence Act 1994 (Act 521), the protection of women and girls, 1973, Article 4 of the Code of Practice on sexual harassment in 1999, the Convention Against the Elimination of Discrimination Against Women (CEDAW) and the 1955 Employee but violence against women workers persist to happen until now. Recognizing this fact, the author is responsible for analyzing the mean value of the highest security measures to address violence against women in public places, especially in the Accountant General's Department. Quantitative research in this field using survey methods (*survey research*) through questionnaires and samples are randomly distributed to 62 female employees who are enrolled in the Trust and Security Management Accountant General's Department. Data were analyzed descriptively using *Statiscal Package For The Social Sciences* (SPSS) version 20. The study shows that no research is focused on the issue of violence against women in BPAS in JAN. A mean value of 4.6 is obtained for its security measures such as women need to be careful when carrying handbag, evade going through dark alley alone, do not wear revealing attire and avoid creating space of communication with male without a purpose.

Keyword: Step, Safety, Violence, Women, Public Places

PENDAHULUAN

Isu berkenaan wanita sering menjadi perbincangan hangat sehingga menarik ramai penyelidik seperti Mohd Noor (2011), Nur Aqielah Umairah (2009), Jawiah, Rugayah & A'dawiyah (2009), untuk meluangkan masa dan mengkaji isu wanita berkaitan keganasan. Namun isu keganasan terhadap wanita di tempat awam masih di tahap sederhana penulisannya. Jika zaman jahiliyyah dahulu, wanita ditimpa keganasan dengan dinafikan hak menuntut ilmu, hak bekerja, hak pemilikan harta, dan hak bersuara namun setelah kedatangan Rasulullah s.a.w., wanita mempunyai masa depan cerah kerana Islam mengangkat wanita dengan menolak sebarang bentuk keganasan. Secara konsepnya menurut Rabiahah (2009) dan Shaiful Azli (2010) keganasan boleh disamakan dengan penganiayaan yang dilakukan dalam lima bentuk iaitu penderaan fizikal, psikologi, emosi, sosial, seksual dan kewangan.

Menurut Deklarasi Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu 1993 keganasan terhadap wanita adalah tindakan atau tingkah laku keganasan yang berdasarkan gender yang menyebabkan, atau berkemungkinan menyebabkan bahaya atau penderitaan dari sudut fizikal, seksual atau psikologi kepada wanita, termasuk ancaman tindakan tertentu, paksaan atau sekatan kebebasan, sama ada berlaku dalam kehidupan awam atau persendirian. Selain itu, ianya terangkum mekanisma sosial di mana wanita dipaksa berada di kedudukan di bawah berbanding lelaki. Definisi ini meluaskan lagi skop keganasan dengan memasukkan unsur bahaya fizikal dan psikologi yang berlaku ke atas wanita, termasuklah tindakan di tempat umum atau persendirian (Azlina Roszy 2013). Oleh itu dapatlah disimpulkan keganasan terhadap pekerja wanita adalah satu perbuatan penganiayaan, penindasan, dan ketidakadilan yang dilakukan terhadap pekerja wanita tanpa mengira agama, bangsa, umur dan pangkat dengan melanggar hak asasi manusia.

Di Malaysia, pekerja wanita lebih berpandangan terbuka kerana mereka bekerja di sektor awam, swasta, mahupun badan berkanun. Mengikut perangkaan terdapat kira-kira 7.4 juta daripada 11.7 juta penduduk perempuan adalah di dalam lingkungan umur bekerja iaitu antara 15 hingga 64 tahun. Daripada jumlah tersebut 3.9 juta adalah di bawah lingkungan umur 40 tahun. Ini bermakna kepakaran masih ramai dan masih muda serta berkemahiran tinggi dalam bidang pekerjaan sektor wanita (Nur Aishah 2003). Namun, disebalik ilmu yang tinggi, niat mencari rezeki, kejayaan dan pencapaian, didapati terdapat pihak yang mengambil kesempatan ke atas wanita di atas ruang dan peluang seperti pegawai bank Norazita Abu Talib mati ditembak di muka (Nor Fazlina 2013), Noor Suzaily dirogol, diliwat dan dibunuhi di dalam bas ekspres (Siti Ainiza 2003), Canny Ong Lay Kian dirogol dan dibakar, Altantuya Shariibuu diletupkan ala pejuang berani mati dan Datuk Norjan Khan Bahadar dibunuhi secara kejam (Shahril 2008). Ini kerana wanita seringkali lupa bahawa mereka adalah mangsa dan selalu tidak berwaspada dalam hal-hal sedemikian.

Wanita dalam undang-undang keluarga telah diberi hak yang sewajarnya seperti menuntut ilmu, bekerja, berkeluarga dan menikmati kehidupan sehari-hari. Walaupun telah wujud pelbagai rang undang-undang, langkah keselamatan untuk melindungi kaum wanita daripada keganasan (Zaini dan Zuliza 2004) namun wanita seolah-olah kurang kesedaran terhadap isu keganasan dan kurang menguasai atau mengambil tahu mengenai hak mereka dalam undang-undang Akta Keganasan Rumah Tangga (selepas ini dinamakan AKRT), gangguan seksual dan lain-lain (Azlina Roszy 2013) yang mana seharusnya wanita bersikap mencegah lebih baik daripada mengubati. Melalui pernyataan masalah di atas didapati persoalan yang ingin dirungkaikan ialah berapakah nilai min tertinggi bagi langkah keselamatan menangani keganasan terhadap pekerja wanita di tempat awam khususnya di Jabatan Akauntan Negara (selepas ini dinamakan JAN). Maka persoalan ini menjawab kepada objektif kajian iaitu sebanyak nilai min 4.6 pekerja wanita menyedari langkah keselamatan dengan berhati-hati membawa beg tangan, tidak melalui lorong gelap, tidak memakai pakaian menjolok mata

dan mengelak dari berkomunikasi dengan lelaki tanpa tujuan kerana undang-undang dilihat beku dan tidak ramai yang memainkan peranan untuk mengikut undang-undang tersebut ditambah pula terdapat beberapa kelemahan dalam undang-undang AKRT) 1993 (Raihanah 2001). Oleh itu, wanita tidak boleh mengharapkan undang-undang semata-mata untuk menjaga mereka dari sebarang bentuk keganasan tetapi berusaha mengenalpasti langkah-langkah keselamatan yang perlu diterapkan dalam diri agar kes keganasan dapat dibendung (Azlina Roszy 2013). Sejajar dengan itu relevanlah kajian ini ditulis untuk menganalisis langkah keselamatan menangani keganasan terhadap pekerja wanita di tempat awam khususnya di JAN supaya mereka lebih prihatin terhadap isu keganasan dan mengambil langkah berwaspada apabila berada di tempat awam.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian berbentuk kuantitatif ini menggunakan kajian lapangan menerusi metod kajian tinjauan dan memerlukan data serta maklumat primer daripada sejumlah sampel yang besar dikumpul melalui soal selidik. Metod ini bertujuan untuk mengenalpasti langkah keselamatan menangani keganasan terhadap wanita di tempat awam khususnya di JAN Kuala Lumpur. Kajian menggunakan teknik borang soal selidik. Kaedah soal selidik direka melalui kaedah Dillman's Total Design untuk meningkatkan respon daripada responden yang menjawab soalan (Ahmad Sunawari 2009). Selain itu, kajian kepustakaan turut digunakan untuk mendapatkan hasil dari bahan bercetak seperti jurnal, disertasi, laporan persidangan, buku, majalah, akhbar dan kertas kerja. Kajian ini telah diuji kebolehpercayaan melalui kajian rintis kepada 30 orang pekerja wanita Yayasan Dakwah Islam Malaysia (YADIM) Kuala Lumpur. Hasil kajian mendapati sebanyak 0.922 nilai kebolehpercayaan terhadap langkah keselamatan menangani keganasan terhadap wanita di tempat awam. Instrumen borang kaji selidik (*close ended*) mengandungi pilihan jawapan berbentuk skala likert diasaskan oleh Rensis Likert mempunyai 5 item (Ahmad Sunawari 2009) iaitu :

Jadual 1.1: Skala Pengukuran Tahap Penguasaan

| Bil | Skala | Min |
|-----|---------------------|-----------|
| 1 | Sangat Tidak Setuju | 1.00-1.49 |
| 2 | Tidak Setuju | 1.50-2.49 |
| 3 | Kurang Setuju | 2.50-3.49 |
| 4 | Setuju | 3.50-4.49 |
| 5 | Sangat Setuju | 4.50-5.0 |

Sumber: Ahmad Sunawari (2009)

Item-item soalan dibina berdasarkan literature review yang dikumpul hasil daripada rujukan-referensi yang bersifat primer mahupun sekunder seperti penulisan ilmiah, bahan-bahan bercetak, rujukan terdahulu dan terkini. Kajian ini memilih 62 responden secara (*purposive sampling*) di mana responden adalah pekerja wanita JAN yang mengikuti kursus kendiri di Bahagian Pengurusan Amanah dan Sekuriti (selepas ini dinamakan BPAS). Data kajian dianalisis secara diskriptif menggunakan perisian *Statiscal Package For The Social Sciences* (SPSS) versi ke-20.

DAPATAN KAJIAN / ANALISIS

Keganasan terhadap pekerja wanita adalah satu perkara yang tidak asing lagi di dada akhbar dan media elektronik. Wanita sering menjadi mangsa keganasan sepetimana yang dibimbangi oleh Datuk Michael Chong terhadap kes penyeludupan yang sukar dibanters (Shahril 2008) contohnya Saliza Ahmad diculik, dirogol, dikurung dan diseludup selama dua tahun ke Singapura serta dijadikan objek perdagangan dan NorFaizura Azura Md. Lias 28 tahun yang ditahan oleh pihak berkuasa Malta disebabkan menyeludup dadah dan kegiatan wang haram (Siti Aisyah 2008). Kebanyakan mangsa keganasan adalah pekerja wanita seperti Norazita Abu Talib pegawai Am Bank yang ditembak mati oleh pengawal keselamatan (Nor Fazlina 2013). Justeru berdasarkan kajian di BPAS JAN, hasil kajian adalah seperti berikut:

PENEMUAN HASIL TINJAUAN

Latar Belakang Demografi Responden

62 orang pekerja wanita yang mengikuti kursus di BPAS JAN pada tahun 2013 dipilih secara purposive sampling bagi menjadi responden kajian ini. Hasil kebolehpercayaan bagi item langkah keselamatan menangani keganasan didapati sebanyak 0.967. Keseluruhan responden berbangsa Melayu dan beragama Islam dengan nilai umur tertinggi 20-24 tahun iaitu sebanyak 37.2% (23 orang). Ini menunjukkan golongan pekerja wanita yang mengikuti kursus di BPAS terdiri dari golongan muda, dan mempunyai banyak tenaga serta berkemahiran sesuai dengan kepakaran mereka. Terdapat 39 responden (62.9%) telah berkahwin dan 25 orang daripadanya mempunyai 1-3 orang anak di mana 28 daripadanya (45.2%) mendapat pendidikan tertinggi peringkat diploma yang memegang jawatan sebagai penolong pegawai dengan tangga gaji puratanya RM 1000-2000. Oleh itu dapatlah disimpulkan bahawa tahap pendidikan responden sederhana namun 5 orang (8.1%) telah menjadi mangsa keganasan disebabkan 62.9% (39 orang) mendapat pendidikan agama hanya di sekolah menengah.

JADUAL 1.2: Taburan Demografi Responden

| LATAR BELAKANG | KEKERAPAN | PERATUS |
|-----------------------------|------------------|----------------|
| Bangsa Melayu | 62 | 100 |
| Agama Islam | 62 | 100 |
| UMUR | | |
| 20-24 tahun | 23 | 37.2 |
| 25-29 tahun | 15 | 24.3 |
| 30-34 tahun | 12 | 19.4 |
| 35-39 tahun | 5 | 8 |
| 40-44 tahun | 2 | 3.2 |
| 45-49 tahun | 2 | 3.2 |
| 50-54 tahun | 3 | 4.8 |
| TARAF PERKAHWINAN | | |
| Berkahwin | 39 | 62.9 |
| Bujang | 23 | 37.1 |
| PENDIDIKAN TERTINGGI | | |
| Ijazah | 11 | 17.7 |
| Diploma | 28 | 45.2 |
| STPM/STAM | 3 | 4.8 |
| SPM | 20 | 32.3 |
| PENDIDIKAN AGAMA | | |
| Ijazah | 2 | 3.2 |
| Diploma | 15 | 24.2 |

| | | |
|------------------------------|----|------|
| Sekolah Menengah | 39 | 62.9 |
| Sekolah Rendah | 5 | 8.1 |
| Sekolah Pondok | 1 | 1.6 |
| PENDAPATAN (RM) | | |
| 1000-2000 | 43 | 69.2 |
| 2001-3000 | 14 | 22.6 |
| 3001-4000 | 3 | 4.8 |
| 4001-5000 | 2 | 3.2 |
| JUMLAH ANAK | | |
| Belum berkahwin/Tiada Anak | 29 | 46.8 |
| 1-3 | 25 | 40.3 |
| 4-7 | 8 | 12.9 |
| PERNAH MENJADI MANGSA | | |
| Ya | 5 | 8.1 |
| Tidak | 57 | 91.9 |

Sumber: Soal Selidik 2013

Langkah Keselamatan Menangani Keganasan Terhadap Pekerja Wanita

Jadual 1.3 mengkaji langkah keselamatan menangani keganasan terhadap pekerja wanita di tempat awam sebagai salah satu panduan keselamatan terhadap pekerja wanita. Dapatkan kajian mendapati nilai min tertinggi sebanyak 4.6 adalah terdiri daripada 4 item iaitu item 3, 4,7,dan 11 mengenai wanita perlu lebih berhati-hati apabila membawa beg tangan, wanita tidak perlu melalui lorong yang gelap dan sunyi seorang diri, wanita perlu mengelak dari memberi peluang berkomunikasi dengan lelaki tanpa tujuan dan wanita dinasihati agar tidak mengenakan pakaian menjolok mata untuk mengelak dari menjadi mangsa rogol. Melalui item 3 dan 4 didapati 44 responden (71%) menyatakan sangat bersetuju untuk lebih berhati-hati apabila membawa beg tangan dan tidak melalui lorong yang gelap dan sunyi seorang diri. Dapatkan kajian disokong oleh temubual pakar psikologi Azlina Roszy (2013, Noor Hazani 2003b) yang menyatakan wanita perlu berjaga-jaga dan menjauhi tempat-tempat terpencil, mengelakkan daripada keluar bersendirian pada waktu malam terutamanya bagi yang bergantung kepada pengangkutan awam, pekerja yang pulang lewat tidak digalakkan mengambil teksi sebaliknya meminta ayah atau abang mengambil di tempat kerja kerana kes keganasan telah berlaku kepada wanita bernama Mimi yang diculik semasa beliau berseorangan di tempat awam. Pemangsa yang terdiri dari dua orang lelaki menggunakan tekit bertanya arah jalan dan seorang daripada mereka meminta Mimi menaiki kereta untuk membantu menunjukkan jalan namun disebabkan keenggananya, pemangsa mengacu pisau kepada mangsa dan menarik mangsa ke dalam kereta dan di rogol bergilir-gilir serta dijual kepada lelaki berbangsa Cina dengan nilai RM 3000 (Aninah 2007). Oleh itu, sebelum keluar dari rumah, wanita dinasihatkan supaya menentukan laluan paling selamat untuk dilalui walaupun laluan tersebut jauh. Berdasarkan penyataan di atas, maka pekerja wanita perlu sentiasa berwaspada dan membawa bersama peralatan yang boleh melindungi diri contohnya payung, penyembur minyak wangi dan mempelajari teknik mempertahankan diri supaya dapat bertindak di saat kecemasan.

Bagi item 7 dan 11, didapati 32 responden (51.6%) sangat bersetuju wanita perlu mengelak dari memberi peluang berkomunikasi dengan lelaki tanpa tujuan dan 41 responden (66.1%) sangat bersetuju wanita dinasihati tidak berpakaian menjolok mata. Hal ini terbukti kerana perogol kebiasaananya suka berpura-pura mengenali mangsa dan mengeksplorasi kelemahan wanita disebabkan lelaki secara umumnya lebih kuat dari segi fizikal manakala bagi pekerja wanita pula jangan mudah membenarkan sesiapa sahaja masuk ke rumah dan menerima pelawaan daripada orang asing serta rakan sepejabat sama ada menghantar ke rumah, bersiar-

siar ataupun menginap di hotel (Azlina Roszy 2013). Terdapat kes seorang wanita telah dihantar pulang ketika hujan lebat oleh rakan sepejabat yang bernama Zul namun beliau mengambil kesempatan tersebut untuk menodai mangsa di rumah (Zaim 1999). Justeru, wanita perlu sensetif dan berwaspada terhadap makanan dan minuman yang boleh mengkhayalkan apabila orang yang tidak dikenali ingin mengajak minum dan menghantar pulang. Hal ini disokong melalui dapatan kajian ini iaitu 38 responden (61.3%) menyatakan sangat bersetuju bahawa wanita tidak boleh terlalu mempercayai lelaki yang baru dikenali. Dapatan ini disokong oleh Gopala Sasie (2009) yang menyatakan terdapat tiga jenis ubat-ubatan yang sering digunakan oleh lelaki yang baru dikenali terhadap wanita untuk merogol mangsa antaranya ialah *Gamma-hydroxybutyrate*, *Rohypnol*, *Cetamine*, dan Alkohol. Dadah yang paling terkenal satu ketika dahulu adalah dadah *Rohypnol* yang diletakkan dalam air minuman wanita yang menjadi mangsa sehingga mereka lupa dan khayal (Azlina Roszy 2013) serta terdapat 90% daripada perogol merogol mangsa dengan cara memaksa dan memujuk untuk meminum alkohol (Gopala Sasie 2009). Oleh yang demikian, kaum wanita diseru untuk mengelak daripada berkomunikasi dengan lelaki tanpa tujuan ini kerana kebanyakan pemangsa adalah terdiri dari lelaki yang dikenali dan wanita juga diminta menjaga tubuh badan dengan berpakaian sopan lebih-lebih lagi pekerja wanita yang mengikuti kursus ini adalah terdiri daripada penganut agama Islam maka Islam telah menggariskan etika pemakaian mengikut syariat dengan menutup seluruh tubuh kecuali muka dan tapak tangan sahaja.

Pelbagai jenis pakaian mendedahkan tubuh wanita telah direka oleh pereka fesyen dari Negara barat. Wabak ini kemudiannya menular ke Negara-negara Islam dan mempengaruhi wanita-wanita Islam sehingga mereka mengambil hanya sebahagian dari hukum Allah s.w.t. dan meninggalkan sebahagian yang lain antaranya memakai jubah yang ketat sehingga menampakkan lurah dada, memakai shawl tetapi menampakkan rambut, memakai baju menutup aurat tetapi baju tersebut jarang, menunaikan solat tetapi mendedahkan rambut kepada orang ramai, memakai baju kurung yang kainnya terbelah. Dalam kegiatan sukan misalnya, pakaian mestilah bersesuaian dengan diri wanita supaya tidak menjolok mata dan tidak dilihat lebih menonjol. Perkara ini amat penting kerana ramai wanita tidak memahami bahawa keganasan terhadap wanita adalah berpunca daripada wanita itu sendiri contohnya dunia telah dikejutkan dengan berita sensasi mengenai gangguan seksual di lapangan sukan oleh jurulatih C. Ramanathan yang dituduh melakukan gangguan seksual kepada ahli sukan serta beliau juga telah dikaitkan dengan kematian jaguh sukan negara iaitu Rabiah Salam (Khairunnisa 1997). Maka, dapatlah disimpulkan bahawa faktor pemakaian wanita amat penting untuk menjaga wanita daripada ditimpa keganasan lebih-lebih lagi pekerja wanita adalah terdiri dari masyarakat Melayu Islam yang seharusnya beretika dengan pemakaian yang disayriatkan. Wanita juga perlu berasa malu apabila kelihatan menonjol di hadapan kaum lelaki dan Majlis Sukan Negara perlu bertanggungjawab untuk mengambil tindakan drastik bagi memastikan setiap wanita yang melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti dipenuhi hak mereka dan mereka bebas daripada gangguan seksual.

Skor min bagi item kedua tertinggi ialah item 6 sebanyak 4.59 daripada 41 responden (66.1%) sangat bersetuju wanita perlu membawa handphone ke mana-mana untuk memudahkan urusan contohnya ketika kecemasan. Apabila pekerja wanita mendapat panggilan yang tidak dikenali, maka jangan menyatakan nama dan memaklumkan sedang bersendirian sebaliknya menyatakan bahawa mereka tersilap nombor. Bagi wanita yang menerima panggilan lucah atau berbentuk ancaman, maka dinasihatkan meletakkan ganggang di sisi telefon dan wanita tersebut perlu beredara. Setelah beberapa minit, ganggang tersebut perlu diletakkan kembali di tempat asal (Noor Hazani 2003b). Skor min ketiga tertinggi ialah pada item terakhir sebanyak 4.54 di mana 36 responden (58.1%) sangat bersetuju supaya Kod Amalan Gangguan Seksual di tempat kerja perlu diperluaskan di seluruh tempat. Hal ini kerana mewujudkan sistem perlindungan terhadap wanita sangat penting supaya akta perlembagaan

berfungsi disebabkan pada masa kini hanya 30 buah negara sahaja yang mempunyai undang-undang khusus berhubung keganasan terhadap wanita. Langkah yang patut diambil adalah dengan melihat secara terperinci apakah perkara yang perlu dilaksanakan sama ada undang-undang sivil mahupun amalan biasa dan sejauhmana ia dapat di sejajarkan dengan amalan antarabangsa (Noor Hazani 2003a). Dalam bidang kehakiman pula, usaha tersebut tidak memadai dengan melatih para hakim agar lebih sensetif kepada soal gender tapi perlu juga lebih spesifik merangkumi tindakan mahkamah tertentu yang mengendalikan kes keganasan, dan tahu membuat keputusan serta menggunakan amalan dan undang-undang antarabangsa bagi kes keganasan terhadap wanita (Azlina Roszy 2013). Justeru itu, pengkhususan begitu amat penting supaya undang-undang dapat dikaji semula dan diperluaskan skopnya dari masa ke semasa mengikut kesesuaianya. Dengan adanya telefon bimbit maka wanita dapat merakam atau mengambil gambar jika terdapat kes keganasan yang berlaku pada ketika itu dan gambar tersebut boleh dijadikan bukti di mahkamah untuk menuntut hak serta wanita juga perlu mempelajari teknik-teknik untuk mengelak daripada diganggu lelaki yang tidak dikenali contohnya tidak memberitahu nama sebenar dan perkara-perkara peribadi.

Keganasan terhadap wanita adalah suatu diskriminasi kuasa. Justeru, undang-undang perlulah S-A-F-E iaitu *Simple* bermaksud mudah difahami, *Acceptable* yang dapat diterima masyarakat dan pihak berkuasa, *Flexible* dalam kerangka masyarakat yang berubah-ubah dan *Effective* yang mana undang-undang tersebut berkesan dalam membendung keganasan (Noor Hazani 2003a). Menurut Fuziah Salleh (<http://www.sinarharian.com.my>, 21 Oktober 2013) menyatakan bahawa Ahli Parlimen Wanita sepakat untuk menarik balik notis pindaan ke atas Rang Undang-Undang Kanun Keseksaaan (Pindaan 2013) yang sedang dibahaskan di dalam dewan rakyat dan mencadangkan untuk menentang beberapa pengecualian mengenai definisi rogol serta mencadangkan untuk menarik dan menambah berkenaan definisi menghendap. Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Wan Hasmah Wan Mohd (2010) menyatakan bahawa, antara langkah untuk menangani keganasan terhadap wanita adalah dengan menggubal undang-undang dan mengkaji semula undang-undang sedia ada supaya wanita mendapat hak contohnya pindaan terhadap kanun keseksaaan dengan mengenakan hukuman lebih berat kepada pemangsa begitu juga dengan Akta Anti Pemerdagangan Orang 2007 (ATIP) kerana kes keganasan bukanlah masalah individu tetapi masalah semua pihak. Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM) melalui Presidennya Dr Mohd Parid Sheikh Ahmad (www.harakahdaily.net/bm/, 8 Oktober 2013) dalam satu kenyataan juga menggesa kerajaan menarik balik pindaan Akta Pencegahan Jenayah yang telah diluluskan dan menghormati prinsip keadilan dan kedaulatan undang-undang. Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM) amat bimbang dengan pindaan kerajaan ke atas Akta Pencegahan Penjenayah (PCA) 1959 yang dibentangkan di Dewan Rakyat dan diluluskan dalam keadaan tergesa-gesa pada 4 Oktober 2013. Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013 tersebut mengandungi peruntukan yang menyalahi prinsip keadilan Islam dan maqasid syariah serta tidak selari dengan prinsip asas kebebasan asasi seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan dan Perisyntiaran Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR). Oleh itu, dapatlah dilihat bahawa undang-undang adalah sebagai panduan kepada masyarakat, yang perlu diambil tindakan pelaksanaan dan dikaji semula jika ada penambahbaikan. Justeru, pekerja wanita perlu lebih prihatin terhadap undang-undang yang melindungi hak wanita dan pihak bertanggungjawab juga perlu mengkaji semula undang-undang sedia ada bagi membolehkan kaum wanita dapat menjalankan fungsinya berkeluarga, bekerja, dan sebagainya.

Bagi pihak mangsa yang ditimpa keganasan pula, kajian mendapati nilai min 4.53 dengan 38 responden (61.3%) sangat bersetuju mengenai wanita yang dianaya perlu berani tampil ke muka pengadilan bagi membela hak. Ini kerana masalah utama wanita negara ini adalah wanita tidak mengetahui akan haknya disebabkan mereka masih tebal dengan sikap

malu, tidak tahu di mana tempat yang sesuai untuk meluahkan masalah. Kajian yang dilakukan oleh Kementerian Pembangunan Keluarga Wanita dan Masyarakat menunjukkan ramai wanita yang mengalami gangguan seksual enggan dan takut untuk membuat laporan. Hal ini kerana, ramai mangsa gangguan seksual yang tidak arif tentang cara dan bagaimana membuat laporan dan mereka juga bimbang majikan atau rakan sekerja yang melakukan perbuatan ini akan bertindak balas (Zulkiffly 2006). Ini terbukti apabila Persatuan Pergerakan Wanita (PPW) membuat kajian bahawa kesedaran orang awam terhadap isu gangguan seksual sebenarnya pada tahap yang rendah kerana mereka tidak prihatin terhadap kursus dan seminar mengenai hak-hak wanita (Sabitha 2005). Sedangkan kursus ini sebenarnya amat membantu kaum wanita bagi memperluaskan perbincangan mengenai undang-undang dan hak-hak sebagai seorang wanita. Akan tetapi, tidak dinafikan juga bahawa mesej yang disampaikan kepada masyarakat belum begitu meluas mengenai kesedaran wanita terhadap risiko yang bakal dihadapi apabila berkahwin dengan lelaki warga asing, diperdagangkan di luar negara terutamanya bagi masyarakat di luar bandar (Lim 2004). Isu ini sebenarnya menggunakan modus operandi yang sama dengan mengumpam wanita sebagai mangsa untuk kepentingan lelaki warga asing supaya wanita-wanita di Malaysia menjalin hubungan dan jatuh hati seterusnya warga asing ini akan mendapat hak kerakyatan dan segala keistimewaan yang diberikan kepada warganegara sedangkan mereka sebenarnya memanipulasi wanita dan mempergunakannya sewenang-wenangnya (Lim 2004). Dapatlah disimpulkan wanita yang tidak mengetahui hak, mereka tidak berani ke depan untuk membuat aduan, mungkin disebabkan mangsa tidak ingin memanjangkan kes tersebut kepada pihak berkenaan, dikhuatiri pemangsa akan ditangkap disebabkan pemangsa adalah orang yang terdekat dengan mangsa dan mempunyai hubungan darah mangsa mengambil sikap lupakan sahaja kerana nasi sudah menjadi bubur.

Program yang memberi kesedaran kepada pekerja wanita perlu diperluaskan di mana 35 responden (56.5%) sangat bersetuju berkenaan hal ini berdasarkan purata min 4.51 seperti program forum, debat, seminar dan diskusi supaya masyarakat luar bandar juga prihatin terhadap isu keganasan bagi mengelakkan mereka daripada menjadi mangsa. Badan bukan kerajaan (NGO) juga perlu berperanan seperti memberikan panduan dan makluman mengenai penyelesaian kepada masalah iaitu mengembalikan masyarakat kepada al-Qur'an dan sunnah dan menjadikan syariat Islam sebagai penyelesaian kepada masalah sepertimana Buku Piagam Wanita Islam yang diterbitkan oleh Wanita IKRAM Malaysia (2013). Pusat Pertolongan Wanita (PPW) juga membantu memberi pendidikan dan meningkatkan kesedaran, melobi serta memberi perkhidmatan bagi wanita yang menghadapi krisis, memberi ceramah di sekolah, tempat kerja dan melalui media untuk meningkatkan kesedaran umum mengenai isu keganasan seperti rogol, keganasan rumah tangga, dan gangguan seksual (Sabitha 2005). Justeru, isu keganasan ini bukan hanya melibatkan pihak keselamatan seperti polis, tentera semata-mata tetapi melibatkan undang-undang sedia ada yang disertakan dengan badan kehakiman supaya dapat melihat sejauhmana undang-undang tersebut digunakan di agensi-agensi atau hanya ditulis di atas kertas sahaja. Kesedaran juga boleh dipertingkatkan dengan adanya talian teledera atau *helpline* supaya mangsa boleh melaporkan secara terus dan tindakan juga dapat diambil dengan pantas. Di Malaysia terdapat pelbagai akta yang melindungi wanita. Justeru, One Stop Crisis Centre (selepas ini dinamakan OSCC) telah diwujudkan di setiap Hospital daerah di negeri Selangor sebagai satu usaha membangkitkan kesedaran semua pihak dengan adanya sebuah pasukan seperti nurse, polis, doctor, kaunselor, peguam yang terlatih untuk membantu wanita mempercepatkan dan mempermudahkan proses melaporkan isu keganasan terhadap mereka. Kes tersebut akan terus difailkan dan mangsa juga tidak perlu untuk pergi ke banyak tempat untuk membuat pengaduan, dan memeriksa keadaan diri (Azlina Roszy 2013). Justeru amatlah penting pendedahan kepada wanita mengenai isu-isu keganasan supaya wanita tidak diibaratkan seperti katak di bawah tempurung tetapi wanita diperkasakan dan

diberdayakan dengan kekuatan diri dari segi jasmani, rohani dan spiritual bagi mengelakkan diri menjadi mangsa.

Selain itu, nilai min 4.5 menunjukkan 34 responden (54.8%) masing-masing sangat bersetuju supaya wanita perlu mengetahui panduan keselamatan seperti mempelajari ilmu mempertahankan diri contohnya taekwondo, silat cekak dan silat gayong sebagaimana yang disarankan dalam kempen mencegah jenayah rogol. Perkara ini sangat membantu wanita bagi melawan lelaki yang menyerang dan mempraktikkan teknik mempertahankan diri ketika kecemasan walaupun secara fizikalnya lelaki lebih kuat berbanding wanita namun wanita perlu berusaha sepenuh tenaga untuk mempertahankan diri masing-masing daripada menjadi mangsa keganasan. Melalui hasil dapatan ini terbukti bahawa responden sememangnya telah memahami bahawa semua wanita hendaklah berwaspada apabila berada di tempat awam dengan memastikan setiap langkah keselamatan diikuti supaya tidak terjebak sebagai mangsa keganasan seperti kes ragut dan kes rogol. Terdapat 34 responden (54.8%) sangat bersetuju penambahbaikan daripada pihak keselamatan untuk menjaga keselamatan pekerja wanita. Justeru pihak keselamatan perlu cekap memainkan peranan untuk bertindak menangani isu keganasan dengan menambah bilangan anggota polis wanita bagi mengimbangi kes sedemikian, mengkhususkan balai polis tertentu untuk menyelesaikan kes keganasan terhadap wanita serta menambah bilangan anggota polis dalam Jabatan Siasatan Jenayah yang mana angkanya kini hanya 9% daripada 112,000 anggota polis seluruh negara. Di samping itu, anggota polis juga perlu bersungguh-sungguh memerangi rasuah, mengambil langkah yang lebih proaktif di dalam membanteras penyeludupan pendatang asing dari segi pemantauan di perairan serta persempadanan negara, melakukan operasi membanteras pelacuran secara giat serta operasi ke atas kawasan-kawasan setinggan agar kegiatan pemerdagangan manusia dapat dihidiu dan dicegah (Suhairil Hafiz & Mohd Ashraf 2011). Secara kesimpulannya adalah didapati purata tertinggi bagi langkah keselamatan adalah sebanyak 4.6 dengan menyeru pekerja wanita supaya menjaga keselamatan melalui diri sendiri dengan berhati-hati membawa beg tangan, tidak melalui lorong yang gelap seorang diri, tidak berpakaian menjolok mata dan perlu mengelak daripada memberi ruang berkomunikasi dengan lelaki tanpa tujuan. Oleh yang demikian semua pekerja wanita perlulah berwaspada dan meningkatkan tahap keselamatan terhadap diri sendiri tanpa mengharapkan undang-undang semata-mata bagi menangani kes keganasan.

JADUAL 1.3 Langkah keselamatan menangani keganasan terhadap pekerja wanita di tempat awam

| Bil | Langkah Keselamatan Terhadap Pekerja Wanita di Tempat Awam | Menangani Keganasan | STS (%) | TS (%) | KS (%) | S (%) | SS (%) | Min |
|-----|--|---------------------|---------|---------|-----------|-----------|--------|-----|
| 1 | Wanita perlu mempelajari ilmu mempertahankan diri | 1 (1.6) | - | 1 (1.6) | 26 (41.9) | 34 (54.8) | 4.5 | |
| 2 | Wanita digalakkan mengetahui panduan keselamatan mengenai keganasan apabila berada di tempat awam | 1 (1.6) | - | - | 27 (43.5) | 34 (54.8) | 4.5 | |
| 3 | Wanita yang membawa beg tangan perlu lebih berhati-hati untuk mengelak dari diragut | 1 (1.6) | 1 (1.6) | - | 16 (25.8) | 44 (71) | 4.6 | |
| 4 | Wanita tidak perlu melalui lorong yang gelap dan sunyi seorang diri | 1 (1.6) | - | 1 (1.6) | 16 (25.8) | 44 (71) | 4.6 | |
| 5 | Wanita perlu membawa penyembur minyak wangi sewaktu keluar dari rumah untuk tujuan keselamatan | 2 (3.2) | 1 (1.6) | 4 (6.5) | 24 (38.7) | 31 (50) | 4.3 | |
| 6 | Kaum wanita perlu membawa handphone ke mana-mana untuk memudahkan perhubungan pada waktu kecemasan | 1 (1.6) | - | 1 (1.6) | 19 (30.6) | 41 (66.1) | 4.59 | |
| 7 | Wanita perlu mengelak dari memberi peluang berkomunikasi dengan lelaki tanpa tujuan | 2 (3.2) | - | - | 28 (45.2) | 32 (51.6) | 4.6 | |

| | | | | | | | |
|----|---|------------|------------|------------|--------------|--------------|------|
| 8 | Kaum wanita tidak boleh terlalu mempercayai lelaki yang baru dikenali | 1 (1.6) | 1 (1.6) | - | 22 (35.5) | 38 (61.3) | 4.5 |
| 9 | Pertemuan lelaki dan perempuan hendaklah bertujuan baik | - | 3 (4.8) | 2 (3.2) | 27 (43.5) | 30 (48.4) | 4.35 |
| 10 | Seorang wanita hendaklah tidak menampilkan imej yang lemah di mata umum | 1 (1.6) | 1 (1.6) | 1 (1.6) | 23 (37.1) | 36 (58.1) | 4.48 |
| 11 | Wanita dinasihati agar tidak mengenakan pakaian menjolok mata untuk mengelak dari menjadi mangsa rogol | 1 (1.6) | - | 1 (1.6) | 19 (30.6) | 41 (66.1) | 4.6 |
| 12 | Pihak Keselamatan perlu meningkatkan aspek keselamatan terhadap kaum wanita | 1 (1.6) | - | - | 27 (43.5) | 34 (54.8) | 4.41 |
| 13 | Majikan dan pekerja hendaklah bekerjasama bagi mengelak berlaku penganiayaan terhadap pekerja wanita | - | 1 (1.6) | 2 (3.2) | 24 (38.7) | 35 (56.5) | 4.5 |
| 14 | Wanita yang dianaya hendaklah berani tampil ke muka pengadilan bagi membela hak | 1 (1.6) | - | 2 (3.2) | 21 (33.9) | 38 (61.3) | 4.53 |
| 15 | Kerajaan perlu membangunkan kesedaran masyarakat awam bahawa keganasan terhadap wanita adalah masalah bersama | 1 (1.6) | 2 (3.2) | - | 28 (45.2) | 29 (46.8) | 4.32 |
| 16 | Program yang mendidik wanita mengenai bahaya keganasan perlu diperluaskan di seluruh tempat | 1 (1.6) | - | - | 26 (41.9) | 35 (56.5) | 4.51 |
| 17 | Kod Amalan Gangguan Seksual di tempat kerja perlu diperluaskan di seluruh tempat | - | 1 (1.6) | - | 25 (40.3) | 36 (58.1) | 4.54 |

Sumber: Soal selidik 2013

KESIMPULAN

Persoalan mengenai keganasan terhadap pekerja wanita merupakan salah satu perkara yang semakin runcing dan hangat diperkatakan di dekad ini. Peranan pekerja wanita dalam pelbagai aspek amat penting demi menjamin keharmonian semua pihak sama ada rumah tangga, masyarakat dan negara. Namun begitu peranan wanita menjadi semakin kompleks kerana hak wanita telah dieksplotasi dengan timbulnya isu keganasan yang semakin bermaharajalela seperti kes Norazita Abu Talib, Noor Suzaily, Canny Ong, Altantuya Shariibuu, Datuk Norjan Khan Bahadar dan Saliza Ahmad. Oleh yang demikian, langkah kesematan perlu dipertingkatkan untuk menanagani isu keganasan terhadap pekerja wanita. Hasil daripada kajian ini banyak memberikan impak dari aspek individu di mana nilai purata tertinggi bagi langkah keselamatan menangani keganasan terhadap pekerja wanita di BPAS adalah sebanyak 4.6. Antara langkah keselamatan yang perlu diterapkan di dalam diri antaranya berhati-hati membawa beg tangan, tidak melalui lorong yang gelap seorang diri, tidak berpakaian menjolok mata dan perlu mengelak daripada memberi ruang berkomunikasi dengan lelaki tanpa tujuan. Dari aspek pergaulan juga, kajian ini memberikan kesan yang mendalam supaya pekerja wanita mengelak daripada berkomunikasi dengan lelaki tanpa tujuan kerana kebanyakan daripada pemangsa terdiri daripada lelaki yang dikenali. Islam mensyariatkan pakaian wanita yang tidak mendedahkan aurat kerana agama Islam menjaga maruah wanita. Maka kajian ini memberikan kesan yang mendalam terhadap faktor pemakaian wanita, aspek penjagaan barang peribadi, panduan apabila berada di tempat awam dan komunikasi dengan lelaki supaya wanita lebih prihatin dan berwaspada terhadap isu keganasan yang mengheret wanita sebagai mangsa keadaan.

RUJUKAN

- Akta Anti Pemerdagangan Orang 2007 (ATIP).
- Akta Keganasan Rumah Tangga AKRT (1994).
- Akta Pekerja (1955).
- Akta Pencegahan Penjenayah (PCA) (1959) Akta Perlindungan Wanita dan Gadis (1973). Artikel 4 Kod Amalan (1999) Gangguan Seksual.
- Ahmad Sunawari Long. (2009). Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam. Bangi. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aninah Janang. (2007). Wanita Kini Semakin Terancam?. *Dewan Masyarakat*, September: 13 15.
- Azlina@Roszy Mohd Ghaffar. (2013). Punca dan Langkah Menangani Keganasan Dari Perspektif Psikologi, Selangor. *Temubual*, 8 November 2013.
- Fuziah Salleh. (2013). Perkasakan Kanun Keseksaan Terhadap Keganasan Wanita. <http://www.sinarharian.com.my>. [21 Oktober 2013].
- Gopala Sasie Rekha. (2009). Rogol Kenalan: Kajian Sosio Perundangan ke Atas Wanita di Malaysia dan Indonesia. Tesis Ijazah Sarjana, Jabatan Undang-Undang. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jawiah Dakir, Rugayah, Tibek & A'dawiyah Ismail. (2009). Bimbingan Agama dan Metodologi Dakwah di Institusi Pemulihan: Kajian Kes di Penjara Wanita Kajang, Selangor. *Jurnal ILIM*. Bil 2 2009/1430:9-20.
- Khairunnisa Hussin, (1997). Masalah Ini Merugikan Majikan dan Negara. *Jelita*, Ogos: 108. Lim, Ai Yim. (2004). Lambakan Buruh Asing di Malaysia. *Massa*, 24-30 Januari: 36-37. Mohd Noor Omar. (2011). Ketarasedar-Transformasi Diri. Bengkel Ketarasedar Inspirasi Diri, 18 Jun. Anjuran Pusat Perundangan dan Latihan (PPLI) Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Mohd Parid Sheikh Ahmad. (2013). Tarik Balik Pindaan Akta Pencegahan Jenayah. www.harakahdaily.net/bm/. 8 Oktober 2013.
- Noor Hazani Musa. (2003). Keganasan Terhadap Wanita Isu Negara. *Wanita*, Februari:102 104.
- Noor Hazani Musa. (2003) . Tip Keselamatan Untuk Wanita. *Wanita*, September: 44-45.
- Nor Fazlina Abdul Rahim. (2013). Kasih Sampai Hujung Nyawa: Kes Pegawai bank Mati Ditembak. *Berita Harian*: 25 Oktober.
- Nur Aishah Ismail. (2003). Sidang Kemuncak Wanita 2003 Kerajaan Prihatin. *Wanita Keluaran Khas*, November: 110-111.
- Nur Aqielah Umairah. (2009). Permasalahan Jenayah. Siri Bimbingan Jati Diri Remaja Selangor: Mostgain Resources Publications.
- Rabiah Ibrahim. (2009). Tahap Kemurungan Dan Konflik Isteri Yang Didera. *Jurnal ILIM* Bil 2 2009/1230:51-73.
- Raihanah Abdullah (pnyt.) (2001). *Wanita dan Perundangan Islam*. Selangor: Ilmiah Publisher.
- Sabitha Marican. (2005). *Membentuk Suasana Kerja Positif: Aspek Hubungan Manusia dan Persekutuan Sosial*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Shahril Rizal. (2008). Wanita Mangsa Kezaliman Melampau. *Dewan Masyarakat*, Januari: 30-31.
- Shaiful Azli. (2010). Menangani Keganasan Terhadap Wanita Dari Perspektif Undang-undang dan Gender. Kertas Kerja Bicara Undang-undang. Anjuran Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- Siti Aisyah Menan. (2008). Maruah Wanita Muda Tercabar. *Dewan Masyarakat*, Julai: 46-47.

- Suhairil Hafiz & Mohd Ashraf. (2011). Pemerdagangan Manusia Gugat Keselamatan.
Pemikir, Julai- September: 1-21.
- Wan Hasmah Wan Mohd. (2010). Say No-Unite to End Violence Against Women. Seminar
Hari Antarabangsa Menangani Keganasan Terhadap Wanita. Kuala Lumpur: 29 Nov.
- Wanita IKRAM Malaysia. (2013). *Piagam Wanita Islam*. Selangor: Jawatankuasa Pusat
Wanita IKRAM, Pertubuhan IKRAM Malaysia
- Zaim. (1999). Saya Dinodai Rakan Sekerja. *Dakwah*, November: 8.
- Zaini Nasohah dan Zuliza Mohd Kusrin. (2004). Peruntukkan Undang-undang Satu
Perbandingan. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Zulkifly Ahmad. (2006). Jenayah Keganasan Rumah Tangga. Siri Maklumat Jenayah.
Selangor. Mostgain Resources Publications.

MAKLUMAT PENULIS

SUHAILA BINTI SHAHRIL

Kolej Universiti Islam Antarabangsa (KUIS)

suhaila@kuis.edu.my

A'DAWIYAH BT. ISMAIL

Kolej Universiti Islam Antarabangsa (KUIS)

aadawiyah@kuis.edu.my